

11 SEP 2002

PRESIDEN SENEGAL TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA

SEPANG, 11 Sept (Bernama) -- Presiden Senegal Abdoulaye Wade, tiba di sini hari ini untuk lawatan negara selama tiga hari.

Ketibaan beliau dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) disambut oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, yang juga menteri pengiring dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, pemangku Menteri Luar.

Abdoulaye mengetuai 28 anggota rombongan, untuk lawatan negara pertamanya ke sini, terdiri daripada para pegawai kerajaan, wakil sektor swasta dan media.

Presiden Senegal itu akan diberi sambutan rasmi negara di medan Parlimen esok dan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diikuti dengan mesyuarat penuh delegasi di Putrajaya.

Pada malamnya beliau akan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara sebelum menghadiri jamuan negara di Istana Negara.

Pada Jumaat, Abdoulaye dijadual melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya, kilang pengeluaran Proton di Shah Alam dan Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre.

-- BERNAMA

MUN HK RON